

Apa dia SPN 21 ?

SPN 21 adalah singkatan nama bagi **Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21** yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Sistem ini membawa beberapa perubahan besar dalam pendidikan di negara ini.

Bila SPN 21 dilaksanakan?

Secara berperingkat-peringkat:

- ✿ Peringkat peralihan (interim/transition stage) dilaksanakan pada tahun 2008 bagi pelajar Tahun 7 (kumpulan pelajar yang lulus PSR 2007)
- ✿ Di peringkat rendah akan dilaksanakan pada tahun 2009 iaitu bagi pelajar Tahun 1 dan Tahun 4
- ✿ Pelaksanaan SPN 21 sepenuhnya di peringkat rendah pada tahun 2011

Kenapa sistem pendidikan perlu berubah?

Tujuan SPN 21 adalah untuk :

- ✿ Memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial abad ke-21
- ✿ Merealisasikan Visi dan Misi Kementerian Pendidikan
- ✿ Menyediakan kemahiran-kemahiran abad ke-21
- ✿ Memenuhi tema-tema strategik sepertimana digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan (2007-2011)

Rasional perubahan adalah berasaskan kepada:

✿ Wawasan Brunei 2035

Menjelang 2035, kita berhasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan:

- * Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya
- * Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi
- * Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan

✿ Lapan (8) Hala Tuju Dasar dalam Strategi Pendidikan, Wawasan Brunei 2035

✿ Melaksanakan misi pendidikan dengan lebih sempurna iaitu 'untuk memberikan pendidikan yang menyeluruh bagi mencapai potensi yang penuh bagi semua'

✿ Rujukan kepada sistem-sistem pendidikan dan kurikulum luar negara

✿ Mempertingkatkan pencapaian pelajar terutama dalam 3 mata pelajaran teras iaitu English Language, Mathematics dan Science

✿ Meningkatkan peratus kemasukan pelajar ke peringkat pendidikan tinggi dari 14% hingga mencapai 30%

✿ Menanai dan meningkatkan penguasaan pelajar dalam Bahasa Melayu

✿ Penyelidikan-penyelidik tempatan dan yang didatangkan khusus dari luar negeri telah mengenalpasti ruang-ruang khas yang memerlukan perubahan dalam Sistem Pendidikan Negara

Apakah faedah SPN 21?

- ✿ Penekanan terhadap pembangunan sahsiah (*character building*)
- ✿ Tiada penahanan dari Tahun 1 hingga Tahun 10/11 (kecuali dalam kes pelajar yang mempunyai kedatangan kurang dari 85%)
- ✿ Pelbagai saluran pendidikan disediakan hingga ke peringkat pengajian tinggi
- ✿ Pelbagai pilihan program pendidikan mengikut kecenderungan, keperluan dan kebolehan pelajar
- ✿ Peluang mengikuti Program Pendidikan Menengah 4 tahun atau Program Pendidikan Menengah 5 tahun sebelum menduduki peperiksaan Brunei-Cambridge General Certificate of Education (BC GCE) peringkat 'O'
- ✿ Kurikulum yang berterusan dan berkesinambungan (*continuous and seamless*) dari Tahun 7 hingga Tahun 10/11
- ✿ Peluang untuk memperolehi kemahiran asas teknikal dan vokasional dan perdagangan yang berguna dalam pelbagai kerjaya mahupun perusahaan sendiri
- ✿ Peluang untuk mengikuti pendidikan teknikal dan vokasional di peringkat pengajian tinggi
- ✿ Menyediakan pendidikan untuk pelajar berkeperluan khas
- ✿ Program Pendidikan Khusus bagi pelajar yang berkecerdasan tinggi dan berbakat

- ✿ Peluang untuk memperolehi kemahiran yang boleh digunapakai dalam pasaran kerja di peringkat global (*marketable skills*)
- ✿ Meningkatkan pencapaian pelajar
- ✿ Meningkatkan piawaian nasional dengan menanda aras (*benchmarking*) dengan piawaian antarabangsa
- ✿ Meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran

Apa perubahan-perubahan dalam SPN 21?

Tiga bahagian utama iaitu :


1. Struktur Sistem Pendidikan

2. Kurikulum dan Penilaian

3. Pendidikan Teknikal

1. Struktur Sistem Pendidikan

STRUKTUR SISTEM PENDIDIKAN NEGARA ABAD KE 21 (SPN 21)



Apakah perbezaan sistem pendidikan sekarang dengan SPN 21?

a. Perbezaan Di Segi Gelaran Kelas/Darjah Dan Penilaian/Peperiksaan Awam

JANGKAAN UMUR DI SETIAP TAHAP PERSEKOLAHAN	SISTEM SEKARANG	SPN 21				
5 Tahun	Prasekolah	Prasekolah				
6-11 Tahun	Darjah 1 – 6 Penilaian Sekolah Rendah (PSR)	Tahun 1 – 6 Penilaian Sekolah Rendah (PSR)				
12 – 16 Tahun	Menengah 1	Tahun 7	P R O G R A M M E N E N G A H 4 T A H U N	Tahun 7	P R O G R A M M E N E N G A H 5 T A H U N	
	Menengah 2	Tahun 8 Penilaian Kemajuan Pelajar		Tahun 8 Penilaian Kemajuan Pelajar		
	Menengah 3* Penilaian Menengah Bawah (PMB)	Tahun 9		Tahun 9		
	Menengah 4	Tahun 10** Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O'		Tahun 10		
	Menengah 5 Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O'			Tahun 11** Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O'		

* Dalam sistem sekarang, pelajar boleh menamatkan pengajian dalam sistem sekolah umum dan meneruskan pengajian dengan memasuki institusi teknikal dan vokasional selepas Menengah 3 atau mencari pekerjaan

** Dalam SPN 21, pelajar boleh meneruskan pengajian dengan memasuki institusi teknikal dan vokasional selepas Tahun 10 (Program Pendidikan Menengah 4 Tahun) atau Tahun 11 (Program Pendidikan Menengah 5 Tahun)

b. Perbezaan Di Segi Tempoh Persekolahan



Dalam sistem sekarang, semua pelajar mengikuti Program Pendidikan Menengah 5 tahun (3 tahun di menengah bawah dan 2 tahun menengah atas) sebelum menduduki peperiksaan BC GCE Peringkat 'O'

Dalam SPN 21,

- ✿ pelajar-pelajar akan mengikuti Program Pendidikan Menengah 4 tahun atau Program Pendidikan Menengah 5 tahun di peringkat menengah sebelum menduduki peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' atau kelulusan yang sebanding

- ✿ semua pelajar akan mengikuti kurikulum yang sama selama dua tahun (Tahun 7 dan Tahun 8)
- ✿ selepas Tahun 8, pelajar-pelajar akan disalurkan ke program berikut:
 - * **Program Pendidikan Menengah *General* (Tahun 9 hingga 10 atau Tahun 9 hingga 11)**
 - * **Program Pendidikan Menengah *Applied* (Tahun 9 hingga 11)**

Lain-lain program yang disediakan untuk pelajar-pelajar dalam SPN 21 ialah:

- * **Program Pendidikan Khusus**

Program ini adalah bagi pelajar yang berbakat/berkecerdasan tinggi dalam bidang akademik tertentu seperti sains dan matematik atau berkebolehan dalam muzik dan seni atau berkebolehan dalam bidang sukan

- * **Program Pendidikan Berkeperluan Khas**

Program ini adalah bagi pelajar yang:

- kurang penglihatan dan pendengaran
- mempunyai tantangan mental
- mempunyai tantangan fizikal
- mempunyai kesukaran pembelajaran yang spesifik

Bolehkah pelajar yang terpilih mengikuti Program Pendidikan Menengah 4 Tahun bertukar mengikuti Program Pendidikan Menengah 5 Tahun dan sebaliknya?

- ✿ Pelajar yang terpilih mengikuti Program Pendidikan Menengah 4 tahun boleh bertukar untuk mengikuti Program Pendidikan Menengah 5 tahun atau sebaliknya tetapi tertakluk kepada pencapaian pelajar dan syarat yang dikenakan

2. Kurikulum dan Penilaian

a. Ciri-Ciri Kurikulum:


- * Berasaskan bidang-bidang dan hasil-hasil pembelajaran
- * Merangkumi 8 bidang pembelajaran :
 - Bahasa
 - Matematik
 - Sains
 - Sains Sosial & Kemanusiaan
 - Kesenian & Kebudayaan
 - Teknologi
 - Pendidikan Agama Islam dan Melayu Islam Beraja
 - Pendidikan Jasmani & Kesihatan

- * Pelbagai kombinasi mata pelajaran daripada 8 bidang pembelajaran
- * Kurikulum yang sama (common curriculum) yang bermula dari peringkat rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) hingga peringkat menengah (Tahun 7 hingga Tahun 8)
- * Menekankan kemahiran-kemahiran asas (*essential skills*):
 - Kemahiran berkomunikasi (celik huruf : membaca dan menulis, mendengar, dan bercakap)
 - Kemahiran mengira
 - Kemahiran Sains dan ICT
 - Kemahiran penyelesaian masalah (berfikir dan kreativiti)
 - Kemahiran bekerja dan belajar
 - Kemahiran pengurusan diri dan berdaya saing (keusahawanan)
 - Kemahiran berinteraksi/perhubungan sosial
 - Kemahiran fizikal
 - Kemahiran estetika
 - Lain-lain kemahiran abad ke-21 dalam *Digital Age Literacy*

* Penyerapan nilai-nilai teras dan sikap:

- Keyakinan dan harga diri
- Menghargai dan memahami perasaan orang lain
- Berdikari
- Toleransi dan hormat menghormati
- Penyayang, prihatin dan sensitif
- Integriti
- Cintakan negara
- Bertakwa
- Berdaya Saing (*Competitive*)
- Siapsiaga

b. Peringkat Persekolahan dan Perkembangan Pelajar



Apakah mata-mata pelajaran yang ditawarkan dalam SPN 21?

c. Mata-mata pelajaran yang ditawarkan dari Tahun 1 hingga Tahun 10/11

i) Tahun 1 hingga Tahun 3

Semua pelajar **DIWAJIBKAN** mempelajari semua **mata pelajaran teras** dan semua **mata pelajaran wajib** seperti yang tersenarai di bawah ini:

A. MATA PELAJARAN TERAS	B. MATA PELAJARAN WAJIB
Bahasa Melayu	Pengetahuan Ugama Islam
English Language	Pendidikan Jasmani
Mathematics	Kokurikulum
Science	Seni Kreatif dan Teknologi <ul style="list-style-type: none">• Modul 1 : ICT• Modul 2 : Lukisan dan Reka Bentuk• Modul 3 : Muzik dan Drama

ii) Tahun 4 hingga Tahun 6

Semua pelajar **DIWAJIBKAN** mempelajari semua **mata pelajaran teras** dan **mata pelajaran wajib** seperti yang tersenarai di bawah ini:

A. MATA PELAJARAN TERAS	B. MATA PELAJARAN WAJIB
Bahasa Melayu	Pengetahuan Ugama Islam
English Language	Pendidikan Jasmani
Mathematics	Kokurikulum
Science	Social Studies
	Seni Kreatif dan Teknologi <ul style="list-style-type: none">• Modul 1 : ICT• Modul 2 : Lukisan dan Reka Bentuk• Modul 3 : Muzik dan Drama

iii) Tahun 7 hingga Tahun 8

Semua pelajar **DIWAJIBKAN** mempelajari semua **mata pelajaran teras** dan **mata pelajaran wajib** di samping salah satu **mata pelajaran elektif** seperti yang tersenarai di bawah ini:

A. MATA PELAJARAN TERAS	B. MATA PELAJARAN WAJIB	C. MATA PELAJARAN ELEKTIF
Bahasa Melayu	Pengetahuan Ugama Islam	Bahasa Arab
English Language	Melayu Islam Beraja	French
Mathematics	Pendidikan Jasmani	Mandarin
Science	Kokurikulum	
	Social Studies	
	Business and Technology <ul style="list-style-type: none">• Modul 1 : Science and Technology (D&T, Home Economics, Agriculture)• Modul 2 : ICT• Modul 3 : Commercial Studies• Modul 4 : Music & Art	

iv) Tahun 9 hingga Tahun 10/Tahun 9 hingga Tahun 11

(Program Pendidikan Menengah *General*)

Semua pelajar **DIWAJIBKAN** mempelajari **4 mata pelajaran teras**, **3 mata pelajaran wajib** dan **sekurang-kurangnya 2 daripada mata pelajaran elektif** seperti yang tersenarai di bawah ini:

A. MATA PELAJARAN TERAS	JENIS PENILAIAN
Bahasa Melayu	BC GCE PERINGKAT 'O'
English Language	
Mathematics	
Science*	
Physics / Chemistry /Biology/ Combined Science	
B. MATA PELAJARAN WAJIB	JENIS PENILAIAN
Melayu Islam Beraja	PENILAIAN KENDALIAN SEKOLAH (<i>SBA</i>)
Pendidikan Jasmani	
Kokurikulum	
C. MATA PELAJARAN ELEKTIF	JENIS PENILAIAN
Kesusasteraan Melayu	BC GCE PERINGKAT 'O'
English Literature	
Bahasa Arab	
French	
Mandarin	

C. MATA PELAJARAN ELEKTIF	JENIS PENILAIAN
Additional Mathematics	BC GCE PERINGKAT 'O'
Physics	
Chemistry	
Biology	
Pengetahuan Ugama Islam	
Geography	
History	
Economics	
Principles of Accounts	
Art & Craft	
Music	
Design and Technology	
Computer Studies / ICT	
Food and Nutrition	

* Pilih sekurang-kurangnya satu daripada mata pelajaran Science

v) Tahun 9 hingga Tahun 11

(Program Pendidikan Menengah *Applied*)

Semua pelajar **DIWAJIBKAN** mempelajari **4 mata pelajaran teras**, **4 mata pelajaran wajib** dan **sekurang-kurangnya 2 atau lebih daripada mata pelajaran elektif** seperti yang tersenarai di bawah ini:

A. MATA PELAJARAN TERAS	JENIS PENILAIAN
Bahasa Melayu	BC GCE PERINGKAT 'O'
English as A Second Language (E2L)	IGCSE
Mathematics (0580)	IGCSE
Combined Science	BC GCE PERINGKAT 'O'
B. MATA PELAJARAN WAJIB	JENIS PENILAIAN
Pengetahuan Ugama Islam	PENILAIAN KENDALIAN SEKOLAH (SBA)
Melayu Islam Beraja	
Pendidikan Jasmani	
Kokurikulum	
C. MATA PELAJARAN ELEKTIF	JENIS PENILAIAN
Geography	BC GCE Peringkat 'O'
Travel and Tourism	IGCSE
Commercial Studies	BC GCE Peringkat 'O'
Development Studies (0453)	IGCSE
Commerce	BC GCE Peringkat 'O'
Accounting	IGCSE


C. MATA PELAJARAN ELEKTIF	JENIS PENILAIAN
Food & Nutrition	IGCSE
Business Studies	IGCSE
Art and Design	IGCSE
Art (6010)	BC GCE Peringkat 'O'
Drama	IGCSE
Music	IGCSE
Design and Technology	IGCSE
Computer Studies	BC GCE Peringkat 'O'
Information Technology	IGCSE
Woodwork	IGCSE
Fashion and Fabrics	BC GCE Peringkat 'O'
Agriculture	BC GCE Peringkat 'O'
Physical Education	IGCSE

d. Apa jenis penilaian digunakan, jika PMB ditiadakan?

- ❁ Penilaian Menengah Bawah (PMB) akan ditamatkan pada tahun 2010 (Peperiksaan resit akan diadakan dalam bulan Januari 2010)
- ❁ Penilaian Kemajuan Pelajar (*Student Progress Assessment*)(SPA) akan digunakan bagi menggantikan Penilaian Menengah Bawah
- ❁ SPA adalah mengandungi dua komponen iaitu Penilaian Kendalian Sekolah (*School-Based Assessment*)(SBA) dan Peperiksaan Kemajuan Pelajar (*Student Progress Examination*)(SPE)

Sistem Penilaian dalam SPN 21

Komponen Penilaian Kemajuan Pelajar (SPA)




Bila PKP/SPA dijalankan dan untuk apa?

- ✿ SBA akan dilaksanakan secara berterusan sepanjang Tahun 7 dan Tahun 8
- ✿ SPE akan dilaksanakan pada akhir Tahun 8
- ✿ SPA ini akan digunakan bagi menentukan pemilihan pelajar untuk mengikuti Program Pendidikan Menengah *General* (4 tahun atau 5 tahun), atau Program Pendidikan Menengah *Applied* (5 tahun)

Adakah peperiksaan PSR masih diambil oleh pelajar Tahun 6?

- ✿ PSR masih digunakan untuk diduduki oleh pelajar Tahun 6 untuk penyaluran pelajar ke Sekolah Sains
- ✿ Semua pelajar yang gagal PSR akan dikehendaki menduduki peperiksaan ulangan (*resit*)




3. Pendidikan Teknik

Pelajar-pelajar dari pendidikan umum akan mempunyai peluang untuk mengikuti pendidikan teknikal dan vokasional melalui peringkat:


- a. Sijil Kemahiran Kebangsaan (*National Skill Certificate*) (*NSC*) sebelum mengikuti kursus Diploma. Tempoh Kursus *NSC* ini ialah 3 tahun termasuk 6 bulan penempatan industri. Sijil ini akan mengukuhkan kedudukan *National Vocational Certificate (NVC)/National Trade Certificate 3(NTC3)/National Trade Certificate 2 (NTC2)*. Syarat kemasukan ke peringkat ini sekurang-kurangnya tamat Tahun 10/11. *NSC* ini adalah setaraf dengan peringkat *National Diploma (ND)*.
- b. Diploma selama 3 tahun termasuk 6 bulan penempatan industri. Diploma ini akan mengukuhkan kedudukan *Pre National Diploma (PND)/National Diploma (ND)* dan *Higher National Diploma (HND)*. Syarat kemasukan ialah sekurang-kurangnya mendapat 5 'O' atau 1 'A' atau kelulusan sebanding atau lulus *NSC*. Di samping itu, pelajar juga hendaklah lulus *aptitude test* dan temuduga. Kelayakan Diploma ini adalah setaraf dengan peringkat *HND*.
- c. Ijazah (*sandwich*) selama 4 tahun termasuk 1 tahun penempatan industri. Syarat kemasukan ialah sekurang-kurangnya mendapat 2 'A' atau kelulusan sebanding atau lulus Diploma dan lulus *aptitude test* serta temuduga.

Carta Progres Dalam Pendidikan Teknikal Dan Vokasional :

Three-Tier Qualifications



Perbandingan Program/Kelayakan-Kelayakan Pendidikan Teknik Masa Kini Dan Dalam SPN 21

KELAYAKAN-KELAYAKAN MASA KINI *	CADANGAN KELAYAKAN- KELAYAKAN DALAM SPN 21
<p><i>National Vocational Certificate (NVC)</i> - 1½ tahun</p> <p><i>National Trade Certificate 3 (NTC3)</i> - 1½ tahun </p> <p><i>National Trade Certificate 2 (NTC2)</i> - 1½ tahun</p>	<p>Sijil Kemahiran Kebangsaan <i>National Skill Certificate (NSC)</i> – 3 tahun termasuk 6 bulan penempatan industri</p>
<p><i>Pre National Diploma (PND)</i> - 1 tahun</p> <p><i>National Diploma (ND)</i> - 2½ tahun </p> <p><i>Higher National Diploma (HND)</i> - 2½ tahun</p>	<p>Diploma - 3 tahun termasuk 6 bulan penempatan industri</p>
	<p>Ijazah (<i>sandwich</i>) - 4 tahun termasuk 1 tahun penempatan industri</p>

* Dikeluarkan oleh BDTVEC (Brunei Darussalam Technical Vocational Education Council)